

27 JAN 2004

UM-IJAZAH

DR MAHATHIR TERIMA IJAZAH KEHORMAT PEMIKIRAN ISLAM UM

KUALA LUMPUR, 27 JAN (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir

Mohamad akan dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pemikiran Islam dalam

satu Istiadat Konvokesyen Khas Universiti Malaya (UM), Jumaat ini.

Menurut Naib Canselor UM, Prof Dr Hashim Yaacob anugerah itu diberikan

berdasarkan sumbangan dan idea Dr Mahathir dalam membangunkan ekonomi,

pentadbiran, pendidikan dan politik Islam di Malaysia mahupun di peringkat

antarabangsa.

"UM memikirkan bahawa Dr Mahathir adalah seorang pemikir yang hebat

memandangkan beliau menggunakan lunas-lunas islam dan Al-Qur'an dalam

membangun dan memartabatkan negara," katanya pada sidang media selepas

majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara UM dan Universiti Kebangsaan Seoul (SNU), Korea Selatan di sini hari ini.

Beliau berkata orang ramai berpeluang menyaksikan majlis itu memandangkan ianya dijalankan secara terbuka di Dewan Tunku Canselor bermula jam 10 pagi.

Antara sumbangan Dr Mahathir dalam konteks pemikiran Islam ialah memperkenalkan insurans dan institusi kewangan Islam serta penubuhan Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Berhubung MoU yang ditandatangani, Hashim berkata kedua-dua buah universiti itu akan melakukan beberapa penyelidikan bersama di samping

bertukar-tukar kakitangan dan penuntut.

Di antara penyelidikan yang akan dijalankan ialah berhubung barah,

dadah, bio-technology, kimia dan kejuruteraan terutama kejuruteraan elektrik.

"Dengan MoU ini, kita harap ia turut menggalakkan pengajian Korea

seperti sejarah, politik dan ekonomi. Kita juga berharap MoU itu akan dapat

memberi banyak manfaat kepada kedua-dua buah negara," katanya.

Presiden SNU Dr Chung Un-Chan dan Dekan Hal Ehwai Antarabangsa Prof

Kyongsoo Lho menandatangani MoU itu bagi pihak universitinya manakala UM

diwakili Hashim dan Ketua Unit Hal Ehwai Antarabangsa Dr Sua'd Awab.

Duta Korea Selatan ke Malaysia Lee Yong June turut menyaksikan upacara

itu.

-- BERNAMA
SMK AHH AM